

Skim Pembiayaan Murabahah

1 Pengenalan

Peraturan ini adalah dikenali sebagai Peraturan Skim Pembiayaan AlMurabahah KOOP JPM (SAM - KOOP JPM). Di bawah skim ini KOOP JPM akan menjual barangan yang dikehendaki oleh anggota (pemohon) dengan harga kos yang dicampurkan dengan keuntungan yang diketahui dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak yang berkontrak.

2 Tafsiran

Semua tafsiran yang berkaitan dengan peraturan adalah sama seperti yang dinyatakan di dalam peraturan-peraturan am skim pembiayaan/pinjaman.

3 Perlaksanaan

3.1 Anggota (pemohon) mengenalpasti barangan yang dikehendaki sama ada dan kedai KOOP JPM atau pembekal yang dilantik.

3.2 KOOP JPM akan membeli barangan yang dikenalpasti oleh anggota dengan harga tunai.

3.3 KOOP JPM menjual barangan tersebut kepada anggota dengan harga kos di campur untung dan dibayar secara ansuran.

4 Pemohonan

Anggota (Pemohon) boleh membuat permohonan melalui borang rasmi yang boleh didapati di pejabat KOOP JPM

5 Had maksima pembiayaan

Had maksima pembiayaan adalah RM 30,000.00 tertakluk kepada 8 kali gaji (mengikut mana yang kurang) dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dan masa kesemasa oleh pihak berkuasa tennasuk majikan, ANGKASA, KOOP JPM atau kerajaan.

6 Jenis Barangan

Semua jenis barangan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai kewangan dan segi syariah seperti barangan elektrik, perabut, emas, kenderaan dan lain- lain boleh

dibiayai melalui skim ini kecuali barangan yang haram di sisi syariah seperti arak dan lain-lain.

7 Jaminan

Jaminan untuk barangan yang di beli adalah mengikut spesifikasi dan tempoh jaminan yang diberikan oleh pengeluar atau pembekal.

8 Penghantaran / pemasangan

Kos penghantaran dan pemasangan barangan yang dibeli adalah ditanggung oleh pembeli melainkan perkara yang sebaliknya dinyatakan oleh KOOP JPM atau pembekal.

9 Perkhidmatan selepas jualan

Perkhidmatan selepas jualan akan diberikan oleh KOOP JPM atau pembekal yang dilantik.

10 Tempoh Bayaran Balik Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah dihadkan selama tidak melebihi 60 bulan (5 tahun).

11 Penjamin

Seorang penjamin bagi skim pembiayaan di bawah RM 5,000.00 ; dua orang penjamin bagi skim pembiayaan melebihi RM 5,000.00 tetapi tidak melebihi RM 15,000.00 dan tiga orang penjamin bagi skim pembiayaan yang melebihi RM15,000.00